

TRANSFORMATION OF FAMILY EDUCATION THROUGH AN ARTIFICIAL INTELLIGENCE FRAMEWORK BASED ON MAQASID SHARIAH IN MALAYSIA THROUGH THE APPROACH OF IAIA H3-ON

TRANSFORMASI PENDIDIKAN KELUARGA MELALUI KERANGKA KECERDASAN BUATAN (ARTIFICIAL INTELLIGENCE) BERASASKAN MAQASID SYARIAH DI MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN IAIA H3-ON

Siti Fatahiyah Mahamoodⁱ, Amily Fikryⁱⁱ, Muhammad Iskandar Hamzahⁱⁱⁱ, Mohammad Mahyuddin Khalid^{iv}, Hanifah Musa Fathullah Harun^v, Azri Bhari^{vi} & Ali Miftakhu Rosyad^{vii}

ⁱ (*Corresponding author*). Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. sitif006@uitm.edu.my

ⁱⁱ Associate Professor, Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam, Selangor. amily@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Associate Professor, Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam, Selangor. iskandarh@uitm.edu.my

^{iv} Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. emkay@uitm.edu.my

^v Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. hanifah0704@uitm.edu.my

^{vi} Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. azrib178@uitm.edu.my

^{vii} Lecturer, Wiralodra University, Jl. Ir. H Juanda KM. 03, Indramayu, Jawa Barat, Indonesia. miftakhurosyad@gmail.com

Abstract

The passing of time with global influence and the advancement of science and technology has had a great impact on the upbringing of children, especially teenagers. They have been exposed to a variety of positive and negative information. The invasion of lifestyle and thinking by drastic changes in all aspects of life brought by artificial intelligence in the current Industrial Revolution 4.0. The unthinkable problem of liberalism, extremism and crimes such as pedophilia, committing suicide, baby dumping and juvenile crimes are becoming more common. Meanwhile, many cases of mental problems and depression begin to increase due to the pressure of life. Defects in family institutions also make the problem more chronic. Family stability Nowadays, it is difficult to maintain the stability of a family institution. Everyone seems busy carrying responsibilities to generate family income which indirectly leads to various problems. Therefore, the educational system of the family institutions needs to be transformed so that it becomes stronger in adapting to the synergy of artificial intelligence and in compliance with the Maqasid Syariah so that its benefits can be utilized and its harm can be avoided. The IAIA H3-On's approach to the transformation of family education through an artificial intelligence framework based on Shariah objectives in Malaysia is built using qualitative methods. This approach applying Iman, Adab, Knowledge and Application with the concept of Hands-On, Heads-On and Hearts-On will be the main solution formula to the problems that have been stated. This study is used as the main platform for the construction of the next phase model.

Keywords: *Artificial Intelligence, Family, Maqasid Shariah.*

Abstrak	<p><i>Peredaran masa dengan pengaruh global dengan kemajuan sains dan teknologi era globalisasi yang begitu canggih telah mendedahkan anak-anak khususnya remaja dengan pelbagai maklumat yang berunsur positif dan negatif. Pencerobohan gaya hidup dan pemikiran oleh perubahan drastik dalam semua aspek kehidupan yang dibawa oleh kecerdasan buatan dalam arus Revolusi Industri 4.0. Masalah liberalisme, ekstrimisme, jenayah yang tidak tercapai akal seperti pedofilia, bunuh diri, pembuangan bayi serta jenayah remaja semakin menjadi-jadi. Manakala, masalah mental dan depresi mula membiak apabila diri mula goyah digoncang ujian yang menerjah. Kepincangan dalam institusi keluarga turut menjadikan masalah semakin kronik. Kestabilan keluarga kini sukar dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang dan menjadi bertambah kronik apabila modenisasi dan kesibukan mengejar tanggungjawab untuk menjana kewangan keluarga telah menimbulkan pelbagai masalah dalam keluarga. Oleh itu, sistem pendidikan institusi keluarga perlu ditransformkan supaya menjadi lebih kukuh dalam mengadaptasikan sinergi kecerdasan buatan dan kepatuhan Maqasid Syariah agar kebbaikannya dapat dimanfaatkan dan mudaratnya dapat dielakkan. Pendekatan IAIA H3-On Ke Atas Transformasi Pendidikan Keluarga Melalui Kerangka Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Berasaskan Maqasid Syariah Di Malaysia ini dibina dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pendekatan ini menerapkan Iman, Adab, Ilmu dan Amal berkonsepkan Hands-On, Heads-On dan Hearts-On akan menjadi formula solusi utama kepada masaalah yang telah dinyatakan. Kajian ini dijadikan sebagai platform utama ke arah pembinaan model fasa seterusnya.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kecerdasan Buatan, Keluarga, Maqasid Syariah.</i></p>
----------------	---

Pengenalan

Perubahan negara secara radikal bermula dalam tempoh 30 tahun akan datang amat memerlukan formula mantap bagi membantu generasi ini menghadapi segala cabaran dengan penuh kebijaksanaan agar manfaatnya tidak diketepikan dan mudaratnya dapat dielakkan. Pelbagai masalah dilihat mula menerjah pemikiran dan gaya hidup kini dengan kehadiran teknologi siber kecerdasan buatan dalam Revolusi Industri 4.0. Perubahan sosial yang berlaku akibat dari globalisasi, industrialisasi, pendidikan liberal dan mobilisasi memberi cabaran besar kepada sistem keluarga pada hari ini (Ismail Baba, 2001). Peredaran masa dengan pengaruh global, dan kini dengan kemajuan sains dan teknologi era globalisasi yang begitu canggih telah mendedahkan anak-anak khususnya remaja dengan pelbagai maklumat yang berunsur positif dan negatif. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa usia penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko kini semakin awal iaitu bermula sejak kanak-kanak lagi. Semakin ramai dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara-negara membangun terlibat dengan hubungan seks sebelum umur mereka 15 tahun (Dixon-Muller, 2009). Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda boleh menyebabkan kemudaratan kepada emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak (Jejeebhoy, Shah & Thapa, 2005) terutama kepada kanak-kanak/remaja perempuan (Hindin & Fatusi, 2009). Di Malaysia, lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja Melayu, 13 hingga 25 tahun didapati terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga menyebabkan kehamilan dan melakukan pengguguran janin (Mohd Satar Sabran, 2003). Manakala, statistik bagi tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi kes remaja hamil luar nikah mencatatkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun hamil anak luar nikah. Menurut Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman (2010), punca peningkatan jumlah remaja yang hamil luar nikah dan pembuangan bayi disebabkan kecanggihan teknologi di mana bahan lucah dalam internet boleh dicapai dan mudah untuk disebar.

Di samping itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata faktor persekitaran serta tekanan yang dihadapi juga dipercayai menjadi penyumbang kepada salah laku pelajar di sekolah. (Astro Awani, 2018). Malah sejarah hitam di negara kita menyaksikan Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terbakar di Kampung Datuk Keramat pada 14 September 2017 disebabkan oleh masalah dadah dan masalah sosial. Menurut Zainal dan Sharani (2004), pengaruh persekitaran di sekolah menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja dan menurut Haslina (2000) pula, tindakan ganas oleh para remaja merupakan perlakuan yang diwarisi oleh para remaja yang lebih muda daripada remaja lelaki yang lebih tua aktiviti-aktiviti mereka tertumpu di beberapa kawasan luar sekolah. Peningkatan kes jenayah sedia ada yang membabitkan pelajar seperti buli, peras ugut, seks bebas, rogol, ketagihan dadah, dan membunuh telah cukup mendatangkan kegusaran kepada seluruh masyarakat Malaysia (Mazlili Suhaini, 2013). Maka, pelbagai masalah yang kian membimbangkan ini perlu ditangani dengan pendekatan terbaik agar tidak terus menular dan menambah kebimbangan sedia ada. Keseriusan masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar perlu ditangani dengan langkah yang sewajarnya, khususnya dengan memberi perhatian terhadap faktor-faktor psikologi yang dapat meningkatkan ketahanan diri pelajar seperti faktor kekeluargaan (Jamie, 2011; Rozmi, 2015).

Menurut Diananda (2019) remaja terlibat dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti termasuk kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Pemantauan dan penglibatan ibu bapa dalam memotivasikan pelajar dalam pendidikan juga tidak diberi perhatian yang serius. Bahkan keluarga juga merupakan punca remaja terlibat dalam salah laku seksual sehingga hamil luar nikah (Rumberger, 1991). Hart dan Hilton (1988) menyatakan bahawa kekurangan kasih sayang dan ikatan emosi dalam kalangan keluarga boleh meningkatkan kemungkinan kehamilan dalam kalangan remaja. Oleh itu, bagi mengatasi pelbagai masalah yang hadir bersama ledakan teknologi siber kecerdasan buatan dalam Revolusi Industri 4.0 ini, peranan institusi keluarga adalah sangat kritikal diberi rawatan segera kerana ianya memainkan peranan paling penting dalam mendidik remaja dan masyarakat masa kini. Menurut Zainah et al. (2013) ketahanan diri pelajar dalam berhadapan dengan pelbagai isu tingkah laku adalah berkait rapat dengan peranan keluarga yang berfungsi dengan baik serta perkembangan kognitif yang sihat. Joh et al. (2013) berpendapat bahawa untuk mengatasi masalah tingkah laku pelajar yang sangat banyak diperkatakan dewasa ini, aspek kefungsi keluarga wajar diteliti.

Malangnya, kestabilan institusi keluarga kini dilihat sukar dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang membina kesejahteraan keluarga. Ini terbukti apabila Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati pada tahun 2017 statistik umur paling tinggi berkahwin adalah pada umur 25-29 tahun iaitu 41.4 peratus. Namun statistik perceraian paling tinggi melibatkan mereka yang berumur antara 20-34 tahun adalah 51.9 peratus bagi wanita dan 40.7 peratus bagi lelaki dalam jumlah 49,965 yang bercerai pada tahun 2017. Manakala, Berita Harian pada 20 Julai 2017 melaporkan ulasan daripada Ketua Hakim Syarie Terengganu, Wan Mohd Zakri Wan Mohd, berkata pasangan berusia antara 26 hingga 30 tahun dikesan paling ramai bercerai dengan kebanyakannya pasangan berkahwin kurang lima tahun.

Makin bertambah kronik apabila modenisasi dan kesibukan mengejar tanggungjawab untuk menjana kewangan keluarga telah menimbulkan pelbagai masalah dalam keluarga. Kestabilan keluarga kini sukar dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang. Ini kerana, faktor kesibukan dan kemodenan sedikit sebanyak menjejaskan hubungan sesama ahli dalam keluarga sehingga menjadikan keluarga itu tidak sejahtera. Ahli keluarga lebih mementingkan materialistik berbanding dengan hubungan kekeluargaan yang lebih penting dalam mencapai objektif kehidupan sesebuah keluarga (Selvaratnam et al., 2010). Ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab dalam mendidik anak-anak mereka tetapi perlu memastikan anak-anak mereka bergaul dengan rakan sebaya yang baik akhlaknya (Mohd Nasir, 2010; Asmawati, 2009). Ibu bapa hendaklah menyediakan persekitaran belajar di

rumah yang membolehkan perkembangan konsep sendiri dan penerimaan sendiri yang positif berlaku. Apabila kedua-dua faktor ini berkembang ke arah yang lebih positif, maka pencapaian akademik juga turut meningkat (Hart, 1987).

Justeru itu, isu berkaitan transformasi sistem pendidikan keluarga dalam era revolusi industri terkini dengan disinergikan kecerdasan buatan berasaskan Maqasid Syariah belum pernah dibincangkan lagi perlu dijalankan dengan segera. Keadaan institusi keluarga yang semakin rapuh akibat jatidiri yang cepat goyah dan iman yang lemah masih belum menemukan formula penawarnya. Unsur-unsur pengabdian kepada tuhan dan keinsanan serta penekanan adab akan mula hilang menyebabkan cara hidup keseronokan dan kuasa mula menguasai. Arah pedoman mula dibawa arus kompas kerakusan kehendak diri sendiri yang terpengaruh dengan budaya luar yang menghancurkan. Sejarah terdahulu telah memperlihatkan kejatuhan tamadun berpunca daripada serangan "*ghazwatul fikri*" yang mengakibatkan hilangnya akal dan budi apabila unsur-unsur ekstrimisme dan liberalisme membiak dengan kroniknya. Justeru itu, untuk tidak mengulangi kejatuhannya, negara amat memerlukan satu formula agar segala mudharat dapat dielakkan dan segala kebaikan dapat dimanfaatkan. Justeru itu, Kassim dan Jalal (2015) menyatakan bahawa usaha menghasilkan Modul Pendidikan Akhlak perlu dibina berdasarkan Surah Luqman dan ianya dilihat sebagai satu mekanisme baru yang inovatif untuk disesuaikan kepada para pendidik dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Dalam menghadapi era teknologi kini, Ahmad Nadzim dan Sahad (2016) menekankan pendidikan akidah sebagai dasar utama bagi setiap individu Muslim agar menjadi hamba yang taat kepada-Nya. Apabila seseorang memiliki akidah yang kuat, pasti akan melaksanakan ibadah dengan tertib, memiliki akhlak yang mulia dan bermu'amalat dengan baik. Masyarakat Islam juga perlu sedar bahawa teknologi adalah pemudah cara, keberadaan teknologi maklumat menjadikan dakwah dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk dan ia dilihat lebih pantas dalam menyampaikan sesuatu nasihat atau ilmu serta mampu dikongsikan kepada seluruh dunia lantas bersifat lebih global (Muhamad Asyraf et al., 2013). Hasilnya nanti, Formula Pembinaan Model IAIA H3-On Ke Atas Transformasi Pendidikan Keluarga Melalui Kerangka Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Berasaskan Maqasid Syariah Di Malaysia akan mampu membantu negara bagi mewujudkan generasi berperadaban tinggi perkasa iman, akal dan budi dengan sinergi kecerdasan buatan mengharungi revolusi industri terkini dengan bijaksana.

FENOMENA KECERDASAN BUATAN (AI)

Fenomena kewujudan kecerdasan buatan (artificial intelligence) dan Revolusi Industri 4.0 sekarang ini memperlihatkan perubahan ke atas corak pemikiran, perwatakan dan cara hidup. Menurut Nor Azaruddin (Utusan Malaysia, 2015), perkembangan teknologi sebenarnya tanpa kita sedari telah membawa kesan besar kepada ideologi atau cara berfikir generasi muda. Generasi muda atau lebih dikenali sebagai generasi Y dan Z (lahir 1990-2010). Ideologi ini akhirnya akan mempengaruhi landskap politik sesebuah negara yang akhirnya akan membawa kepada kemusnahan atau dapat membangunkan sebuah peradaban yang baharu. Manakala Revolusi Industri 4.0 menyaksikan Internet of Things (IoT) dalam hampir semua aspek kehidupan seharian. Industri ini juga hebat kerana ia meningkatkan kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian kerana semua urusan dijalankan secara digital. Malah, menurut Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo kerajaan turut bercadang untuk mewujudkan mata pelajaran baharu yang menumpukan kepada internet dan kecederasan buatan atau Artificial Intelligence (AI) di peringkat sekolah (Astro Awani, 2017).

Pada masa yang sama, kewujudan robot manusia pula telah dibangunkan dengan pelbagai ciri dan kebolehan sehinggakan adakalanya menggantikan peranan manusia seperti Erica dan Sophia. Menurut Anderson dan Bracken (2010), robot merupakan satu sistem mekanikal yang mempunyai sensors (input), actuators (output) dan dikawal oleh komputer (processor/brain). Tidak dinafikan juga melalui teknik kecerdasan buatan ini juga menghasilkan robot manusia yang menyerupai manusia secara luaran. namun,

penggunaannya perlu diperhalusi dari aspek prinsip dan pegangan agama terutamanya kepada umat Islam. Dalam perkembangan industri kecerdasan buatan ini, satu program pendidikan berasaskan robotik telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bersama agensi kerajaan lain seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Pusat Sains Negara, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Program robotik ini dijalankan pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, matrikulasi, pra-universiti malahan di peringkat universiti (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2013). Oleh itu, implementasi dan kebergantungan kepada kecerdasan buatan AI dengan kemunculan Revolusi Industri 4.0 dan pencarian serta penyebaran maklumat secara atas talian ini amat memerlukan kepada pengurusan yang amat bijaksana. Ini adalah kerana kecerdasan buatan ini adalah bersifat tetap dan bergantung kepada mentaliti mereka yang membangunkan sistem AI tersebut.

KAJIAN PERMASALAHAN REMAJA DALAM MENGHARUNGI REVOLUSI INDUSTRI TERKINI

Kepesatan teknologi dalam abad ke-21 ini menyebabkan remaja dan kanak-kanak terpaksa membesar dalam persekitaran yang mempunyai lambakan kemudahan akses kepada maklumat tanpa sempadan (Miftachul et al., 2017). Kajian terhadap penggunaan dan implikasi media sosial terhadap remaja Generasi Z (Manap et al., 2016) yang melibatkan seramai 750 orang remaja yang berusia di antara 13 hingga 21 tahun dan 20 orang mahasiswa di Universiti Awam yang berusia di antara 19-21 tahun mendapati, secara purata remaja generasi Z yang dikaji menggunakan media sosial selama 11.6 jam sehari. Data ini belum ditambah dengan penggunaan internet bagi tujuan lain seperti pencarian maklumat dan bermain *game* secara dalam talian. Penggunaan media sosial mencapai tahap yang kritikal apabila sebilangan remaja akhir memperakui bahawa mereka menggunakan internet selama 24 jam. Berdasarkan data daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020) berkaitan Laporan Statistik Penggunaan Internet di Malaysia 2020 didapati terdapat kenaikan penggunaan 1.3% daripada tahun 2018 iaitu daripada 87.4% kepada 88.7%. Laporan ini juga menyatakan bahawa terdapat 11.5% pengguna menghabiskan 18 jam menggunakan internet berbanding 8.1% pada tahun 2018. Manakala berdasarkan kajian Norton Online Living Report (NOLR) di Malaysia yang dikendalikan oleh Saffron Hill bagi pihak Symantec, mengenai tabiat penggunaan Internet, mendapati remaja menghabiskan masa 16 jam seminggu melayari Internet.

Di samping itu, menurut Pengarah Love Myself Campaign Dr. Shamsuriani Md Jamal, statistik global yang dikeluarkan laman web lucah di Amerika Syarikat baru-baru ini menyebut Malaysia antara negara paling tinggi di Asia yang menonton sumber pornografi. Malah daripada statistik itu, kaum wanita negara ini dikatakan mendahului kaum lelaki. Beliau juga melakukan kaji selidik membabitkan kelompok remaja 13 hingga 17 tahun pada 2015 dan 2016. Pada 2015, kita lakukan kaji selidik terhadap 70 responden dan 2016 pula membabitkan 377 responden. Kira-kira 80 peratus daripada responden mengakui terdedah kepada bahan pornografi. Separuh daripada jumlah itu pula mengaku secara sengaja dan 50 peratus lagi mengaku tidak sengaja. Beliau berpendapat bahawa sebanyak 80 peratus daripada kanak-kanak dan remaja di negara ini sudah terdedah kepada bahan pornografi, sama ada secara tidak sengaja atau mereka memang mencari bahan lucah. Menurut Noran Fauziah et al. (2009) pelajar yang tidak mempunyai daya tahan cenderung untuk berfikir dan bertingkah laku dengan cara yang salah.

Laporan dalam laman sesawang SC (Symantec Corporation) bertarikh 7 Julai 2010 bertajuk "Laporan Keluarga Norton Online 2010" mendedahkan bahawa kanak-kanak di Malaysia menghabiskan masa melayari internet secara purata selama 19 jam seminggu, sedangkan ibu bapa menyangka anak-anak mereka melayari internet selama 11 jam. Di samping itu, kajian mendapati bahawa sembilan daripada sepuluh kanak-kanak di Malaysia telah terdedah kepada pengalaman negatif semasa melayari internet. Pengaruh teknologi terhadap perkembangan kanak-kanak turut diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian Zakaria et al. (2012) bahawa teknologi moden khususnya media sangat berpengaruh

terhadap pendidikan, tingkah laku dan keperibadian kanak-kanak. Menurut Yong (2011) pula, keasyikan melayari internet di Malaysia yang menyebabkan sindrom ketagihan wajar dikaji secara terperinci dalam bidang psikologi patologi, iaitu kajian berkaitan dengan kesihatan mental. Hal ini demikian kerana beliau mendapati wujudnya dari masa ke masa peningkatan penggunaan internet secara berlebihan yang mengundang gejala kemurungan dan mengakibatkan masalah dalam perhubungan sosial. Impak daripada peningkatan melayari internet secara melampau, kesejahteraan subjektif golongan remaja turut terjejas kerana ramai remaja yang kelihatan aktif dalam dunia siber tetapi dalam dunia realiti remaja tersebut adalah pendiam. Kajian tentang masalah sindrom ketagihan internet ini disokong oleh kajian Johari dan Raja Shahrina (2012) yang mendapati tahap penggunaan internet remaja semakin tinggi dari masa ke masa berbanding kajian-kajian yang telah dijalankan sebelumnya. Dapatan kajian mereka mencatatkan peningkatan daripada hanya dua pelajar daripada 149 sampel yang dikesan menghadapi ketagihan internet pada tahun 2010 meningkat kepada 20 orang pada tahun 2012.

Kajian Wan Anita & Azizah (2013) turut menyatakan bahawa ahli sains sosial telah banyak mengkaji hubungan antara pendedahan kepada program berunsur ganas dan tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak. Menurut Anderson (2000), teori Model General Aggression (GAM) menyatakan bahawa kanak-kanak dan remaja mempelajari "skrip" keganasan melalui pendedahan kepada media yang mempunyai unsur ganas. Pendedahan kepada mesej secara berulang dan interaksi yang berlaku dalam persekitaran mikro menyebabkan tingkah laku yang agresif dipelajari. Tingkah laku agresif ini pula seterusnya diadaptasi oleh kanak-kanak dan remaja ke dalam persekitaran hubungan sosial dalam kehidupan mereka. Kajian yang dijalankan oleh Bushman dan Anderson (2002), mendapati kesan bermain permainan video yang bercorak peperangan dan penggunaan senjata api menyebabkan pelajar-pelajar agresif mudah bertingkah laku agresif dan meningkatkan tingkah laku agresif kepada pelajar lain. Menurut kajian Sivamurugan (2004), beliau mendapati kesan menonton media yang berunsur ganas juga telah menimbulkan masalah peningkatan kes juvana dalam kalangan pelajar iaitu daripada 4,931 pada tahun 1994 kepada 5,562 pada tahun 2003, iaitu peningkatan sebanyak 13%.

Pada masa yang sama, ibubapa pula dilihat sibuk mengejar tanggungjawab mencari nafkah menyebabkan mereka secara tidak sedar membenarkan penggunaan gajet tanpa kawalan kepada anak-anak bagi menutup kebocoran tanggungjawab yang tidak mampu tergalas. Sindrom ini akan meruntuhkan lagi jati diri dan keimanan anak-anak kita yang bakal memimpin negara. Menurut Badruzaman dan Azizi (2006), emosi negatif yang terhasil dari sistem kekeluargaan yang tidak dapat berfungsi dengan baik akan menyebabkan tekanan serta wujud hubungan yang longgar antara ahli dalam sesebuah keluarga. Golongan pelajar juga biasanya amat sukar mengakui bahawa mereka mempunyai masalah, dan adalah sukar untuk mereka berkongsi tekanan yang dihadapi dengan ahli keluarga apabila sistem keluarganya tidak berfungsi dengan baik. Manakala Saâ et.al (2019). menegaskan bahawa hubungan antara kesibukan ibubapa bekerja dan pengaruh sekeliling anak-anak mencabar pendidikan institusi keluarga yang menuntut agar peranan ibubapa dan guru diperhalusi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan metodologi reka bentuk penyelidikan pembangunan (Design and Developmental Research) yang diasaskan oleh Richey dan Klein (2007). Ianya merupakan kajian sistematik pada proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian dengan tujuan membina secara empirikal penciptaan model baru atau ubahsuaian yang memandu kepada pembangunan (Richey & Klein, 2007) iaitu Pembinaan Model Iman, Adab, Ilmu dan Amal (IAIA) secara Hands-On, Heads-On dan Hearts-On (H3-On) Ke Atas Transformasi Pendidikan Keluarga Melalui Kerangka Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Revolusi Industri 4.0 Berasaskan Maqasid Syariah Di Malaysia. Reka bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah lebih menjurus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah ditimbulkan.

Bagi mengenalpasti kesan ke atas transformasi pendidikan keluarga di Malaysia, kajian perpustakaan dan bacaan secara komprehensif termasuk membuat sorotan literatur yang terdiri daripada tiga aspek: iaitu empirikal (hujah tentang persoalan apa, di mana dan bila serta mengenalpasti jurang), teoritikal (hujah tentang persoalan kenapa dan bagaimana) dan metodologi. Ianya juga menghuraikan definisi ilmiah kepada istilah tertentu yang dijelaskan dengan teori. Temubual pakar juga dilakukan bagi mengenalpasti kesan AI dan Maqasid Syariah ke atas pembinaan model ini serta pembinaan Model IAIA H3-On Ke Atas Transformasi Pendidikan Keluarga Melalui Kerangka Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Berasaskan Maqasid Syariah Di Malaysia.

PERBINCANGAN

Menurut Hussin (2014), transformasi bermakna perubahan mega dan komprehensif, iaitu yang melibatkan perubahan kepercayaan, ilmu, sikap, struktur sistem dan organisasi, rupa bentuk sistem dan organisasi, teknologi, budaya kerja, proses kerja, dan prestasi kerja. Husin juga menyatakan bahawa proses transformasi memerlukan pengilmuan baharu dan pembinaan kemahiran baharu (reskilling). Teori lama diganti baharu, proses kerja lama diganti baharu, dan teknologi lama diganti baharu, sejajar dengan perkembangan ilmu dan prasarana baharu.

Manakala, Syed Muhammad Naquib Al-Attas menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Tegasnya, menurut perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral (Azhar Ahmad, 2006). Kurangnya penghayatan akhlak dalam diri remaja mendorong remaja terlibat dalam masalah sosial. Merujuk kepada kepentingan pendidikan masa kini, Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009) menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab. Manakala Tajul Ariffin Noordin dan Nor 'Aini Dan (2002) pula menegaskan bahawa manusia sebagai insan disempurnakan sifatnya dengan anugerah akal, potensi pembelajaran dan kemahiran untuk memahami dan menguasai ilmu. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep diri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997). Menurut Hassan Langgulung (1987), pendidikan ialah satu bentuk interaksi manusia. Ia adalah suatu tindakan sosial yang berlaku hasil jaringan hubungan kemanusiaan. Jaringan dan peranan individu dalam tindakan sosial ini akan membentuk watak pendidikan sesuatu bangsa.

Ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan kemahiran kecerdasan emosi dalam kalangan remaja (Kolb & Hanley Maxwell, 2003). Sapouna dan Wolke (2013) turut menegaskan bahawa kefungsiannya keluarga memainkan peranan penting dalam menggalakkan penyesuaian emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar yang bermasalah, dan intervensi bagi membantu pelajar untuk lebih berdaya tahan akan lebih berjaya jika mensasarkan kepada kemahiran psikososial remaja dan hubungan mereka dengan ahli keluarga. Ini sekaligus menyokong dakwaan Bowes et al. (2010) berkaitan pengaruh hubungan kekeluargaan terhadap pembangunan ketahanan diri untuk jangka panjang bagi pelajar yang dibuli, yang mana mendapati kehangatan yang diperoleh dari kasih sayang ibu bapa dan adik-beradik, serta suasana positif di rumah mempunyai hubungan dengan kurangnya permasalahan berkaitan emosi dan tingkah laku seperti kemurungan dan kekerasan, berbanding jangkaan yang dibuat ke atas mangsa buli, dalam tempoh dua tahun berikutan pengalaman menjadi mangsa buli. Kajian ini memperlihatkan betapa pentingnya kefungsiannya keluarga dalam melindungi pelajar untuk lebih berdaya tahan.

Namun, perbincangan berkaitan keadaan permasalahan remaja yang semakin kronik ini menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak yang sangat membimbangkan. Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu. Malek Bennabi pula menyatakan,

keruntuhan nilai akhlak turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat. Para pengkaji kemasyarakatan Barat juga menyedari kelemahan dalam sesebuah masyarakat dan pentingnya proses-proses pemantapan akhlak terutama sekali melalui agama (Mohd Sulaiman Yasin, 1992). Isu yang paling besar dalam sistem pendidikan mutakhir ini ialah pendekatan yang terlalu bersifat fizikal dan mekanikal. Masyarakat lebih tertumpu kepada konsep profesionalisme, kepakaran dan pengkhususan dalam bidang-bidang yang diperlukan. Dalam keghairahan yang rakus ini, matlamat pendidikan untuk membangunkan insan yang bermoral, berakhlak, beradab dan berhikmah semakin terpinggir (Tajul Ariffin Noordin & Mohamed Sani Ibrahim, 2007).

Amat merisaukan lagi apabila pendidikan utama yang seharusnya bermula di rumah dilihat mula diganggu oleh kesibukan ibubapa yang makin keliru dan kurang kemahiran dalam menguruskan tanggungjawab mencari nafkah untuk keluarga sehingga mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak di rumah. Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dengan ibu bapa renggang. Tiada persefahaman antara ibu bapa akan menyebabkan konflik berlaku dan mereka akan saling bertengkar dan bergaduh. Keadaan rumah yang tidak aman seperti ini akan memberikan kesan yang negatif kepada jiwa remaja. Mereka akan merasa tertekan dan menjauhkan diri daripada ibu bapanya. Sehingga ada yang lari dari rumah untuk mencari kedamaian dan ketenangan. Golongan remaja generasi kini cepat mempengaruhi dirinya sendiri dengan faktor-faktor persekitaran yang akan menentukan perkembangan sifat dan cara hidup mereka.

Memandangkan remaja merupakan aset kekayaan semulajadi negara dan bakal memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara kita, maka sistem pendidikan institusi keluarga perlu ditransformkan supaya kukuh dalam mengharungi arus revolusi terkini yang terlalu drastik berkembang. Dalam keadaan yang parah sebegini, sebegini memerlukan pemantauan dan didikan komprehensif daripada ibubapa bagi melahirkan generasi pemimpin negara yang mempunyai ketahanan intelektual dan spiritual yang tinggi. Keteguhan jati diri remaja yang bakal menjadi ibubapa perlu diambil berat. Sekiranya remaja dibiarkan dilambung ombak revolusi berteknologi tinggi ini bagaimanakah pula nak kita lahirkan generasi yang mempunyai peradaban tinggi?

Menurut model pendidikan Abdullah Nasih Ulwan (Saâ et.al., 2019), metodologi pendidikan anak-anak yang berkesan pula perlu dilakukan oleh pendidik sama ada ibu bapa dan guru merangkumi lima perkara iaitu melalui contoh teladan, kebiasaan atau adat, pengajaran, pemerhatian dan melalui hukuman atau denda. Pendidikan menerusi contoh teladan yang baik oleh ibu bapa sama ada dalam percakapan atau perbuatan adalah sangat berkesan kerana ibu bapa adalah 'role model' kepada anak-anak (Mahmood, 2008). Selain daripada itu, penekanan kepada aspek disiplin juga sangat penting dilakukan oleh ibu bapa di rumah dan tidak sewajarnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah. Ini kerana hakikat pembentukan akhlak anak-anak bermula di rumah iaitu oleh ibu bapa yang menekankan aspek disiplin dalam keluarga (Asmak, 2006).

PENDEKATAN IAIA H3-ON DALAM TRANSFORMASI PENDIDIKAN KELUARGA

Iman dan Adab

Pembangunan modal insan perlu dilihat secara menyeluruh. Kerangka pendidikan anak-anak digariskan dalam Surah Luqman bermula pengabdian kepada Allah tanpa syirik, mentaati ibubapa, menyedari tiap perbuatan ada ganjaran dan pembalasan, menjaga solat lima waktu, menjada adab dan jangan sombong. Iman dan Adab saling berkait apabila tanpa adab akan mencemarkan keimanan. Pendidikan anak-anak bersandarkan Surah Luqman ini terpakai sepanjang masa termasuk ketika dalam era digital dan AI ini. Dalam mentransformasikan pendidikan institusi keluarga ini juga dilihat daripada peranan ibubapa yang menjaga sepenuhnya adab dan tingkah laku mereka sendiri sebagai teladan

kepada anak-anak dari aspek penampilan, perwatakan, perkataan, perbuatan, penulisan dan keputusan yang diambil.

Ilmu dan Amal

Penekanan ilmu agama dan menyeimbangkan bersama ilmu duniawi perlu dilakukan dengan holistik dan bijaksana. Ilmu ini juga perlu didasari dengan iman dan adab bagi menguatkan rantaian IAIA ini. Keberkesanan dan keefisyenan Ilmu, Iman dan Adab ini perlu diamalkan secara menyeluruh dalam kehidupan seharian. Teladan aktiviti seharian ibubapa memberi impak yang berkesan kepada pembesaran anak-anak. Oleh itu, rutin seharian ibubapa dalam mendidik perkembangan pemikiran dan perwatakan anak-anak di zaman teknologi AI ini perlu dijelmakan dalam rutin sistematik yang berpaksikan aqidah, syariah, ibadah dan akhlak.

H3-On

H3-On mencakupi kaitan antara Hands-on, Heads-on dan juga Hearts-on. Ianya merupakan gabungan antara “High-Tech” dan “High-Touch” iaitu kombinasi teknologi tinggi dan nilai budi yang tinggi secara holistik. Pendekatan ini mentransformkan pendidikan institusi kekeluargaan bagi meningkatkan pengetahuan dan keupayaan baharu dengan kepakaran milenium baharu dengan melampaui kaedah luar biasa untuk perkembangan pemikiran, perwatakan dan tingkah laku anak-anak. Terutamanya bagi mendidik mereka dengan penuh bijaksana dalam menerima manfaat teknologi di samping mempunyai kawalan penuh untuk menolak kemudaratan.

RUMUSAN

Tidak dinafikan pendidikan institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak terutamanya dalam Era Revolusi Industri 4.0 ini. Kesibukan ibubapa mengejar masa bekerja untuk mencari nafkah bukan lesen untuk mengetepikan tanggungjawab mendidik anak sepenuhnya. Tambahan pula, anak-anak yang membesar di zaman ini terdedah kepada banyak cabaran yang boleh menggoyah iman dan mencabar keilmuan hingga adakalanya tindakan yang dilakukan tidak difikirkan terlebih dahulu kebaikan atau keburukannya. Perkara ini juga amat merungsingkan apabila diteliti sifat generasi remaja masa kini yang sangat cepat terpengaruh dengan perubahan dan kehendak semasa. Oleh itu, pendekatan IAIA H3-ON dalam transformasi pendidikan keluarga ini perlu dilaksanakan dan dirujuk bagi memastikan pendidikan institusi keluarga berjalan dengan sempurna.

PENGHARGAAN

Penghargaan penulisan ini adalah diberikan kepada Geran Penyelidikan Khas (GPK) 600-RMC/GPK 5/3 (148/2020) entitled: “Pembinaan Model IAIA H3-On Ke Atas Transformasi Pendidikan Keluarga Melalui Kerangka Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Berasaskan Maqasid Syariah Di Malaysia.” Penghargaan ini juga diberikan kepada Geran Penyelidikan Dalaman ACIS 100-ACIS (PT.9/19) Transformasi Pendidikan Keluarga Melalui Pembangunan Model 3H-On *Prophetic Smart Parenting* Ibubapa Millennial Dalam Mendepani Era IR4.0.

RUJUKAN

Buku

- Ambert, A.M., 2001. *The effect of children on parent*. 2nd. ed. New York: The Haworth Press.
- Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. 2006. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmak, H. A. 2006. *Salah Laku Sosial Remaja Masa Kini: Cabaran Dan Penyelesaiannya*. Dlm: Abd. Rahim, A. R., Sufean, H., & Jamaludin, T. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Asmawati, S. 2009. *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam Konsep Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. 2009. *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Badruzaman Baharom & Azizi Yahya. 2006. *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di Daerah Pontian, Johor*. UTM: Fakulti Pendidikan.
- Haslina Hassan. 2000. *Gejala Gengsterisme Di Kalangan Pelajar*. Fenomena yang Semakin Meresahkan. Dewan Masyarakat (Jun). 14-27.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hart, L. 1987. *The winning family: Increasing self-esteem in your children and yourself*. New York: Dodd, Mead.
- Jejeebhoy, S. J., Shah, I. & Thapa, S. 2005. *Sex without consent: Young people in developing countries*. Zed Books, New York; London.
- Kusumadewi, S. 2003. *Artificial Intelligence (Teknik dan Aplikasinya)*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Malek Bennabi. 1998. *On the Origins of Human Society*. Terjemahan oleh Mohamed.
- Mahmood, Z. 2008. *Famili harmoni memupuk keluarga bahagia*. Shah alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Mohd. Nasir, O. 2010. *Falsafah akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Satar Sabran. 2003. *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. 1992. *Akhlak Dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman.
- Najati, Muhammad Uthman. 1993. *al-Hadith al-Nabawī wa 'Ilm al-Nafs*. Bayrut: Dar al-Shurūq.
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron, & Ahmad Jazimin Jusoh. 2009. *Manual Guru: Pencegahan Buli di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Richey, R.C. & Klein, J.D. 2007. *Design and Development Research*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers
- Rumberger, R. 1991. *Chicano dropouts: A review of research and policy issues*. In: R. Valencia (Ed.) *Chicano School Failure and Success*. New York: Falmer Press.
- Selvaratnam, D., Nor Aini & Norlaila. 2010. *Warga emas di Malaysia: ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tajul Ariffin Noordin & Noor 'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi, Selangor: AsSyabab Media.
- Tajul Ariffin Mohd Nordin, & Mohamed Sani Ibrahim. 2007. *Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru*. Profesion Perguruan.
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad. 2004. *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Jurnal

- Ahmad Nadzim, N., & Sahad, M. N. 2016. *Pendidikan akidah terhadap anak-anak: Cabaran ibubapa dalam perkembangan sains dan teknologi masa kini*.
- Anderson, C. A. & Dill, K. E. 2000. *Video games and aggressive thoughts, feelings and behavior in the laboratory and in life*. *Journal of Personality and Social Psychology*, Vol. 78(4), 772-790.
- Anderson, T. R., & Bracken, C. 2010. *Robotics in Education*. *eJournal Contents* :, 2(March), 1–18.
- Bowes, L., Maughan, B., Caspi, A., Moffitt, T. E., & Arseneault, L. 2010. *Families promote emotional and behavioral resilience to bullying: Evidence of an environmental effect*. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 51, 809–817
- Diananda, A. 2019. *Psikologi remaja dan permasalahannya*. ISTIGHNA: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam, 1(1), 116-133.

- Dixon-Mueller, R. 2009. *Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence*. AIDS Behavior, 13, 100-109.
- Hart, B. & Hilton, I. 1988. *Dimensions of personality organization as predictors of teenage pregnancy risk*. Journal of Personality Assessment, 52(1), 116-132.
- Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. *Adolescent Sexual and Reproductive Health in Developing Countries: An Overview of Trends and Interventions*. International Perspectives on Sexual and Reproductive Health, 35 (2), 58-62.
- Hoffman, J. P. & Johnson, R. A. 1998. *A national portrait of family structure and adolescent drug use*. Journal of Marriage and the Family, 60(3), 633-45.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L., & Bosma, H. 1998. *Adolescents' perceptions of communication with parents relative to specific aspects of relationships with parents and personal development*. Journal of Adolescence 21(3), 305-322.
- Joh, J. Y., Kim, S., Park, J. L., & Kim, Y. P. 2013. *Relationship between family adaptability, cohesion and adolescent problem behaviors: curvilinearity of circumplex model*. Korean J Fam Med., 34(3), 169-177.
- Johari Hassan & Raja Shahrina. 2012. *Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru*. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Vol. 6, 23- 43
- Kolb & Hanley Maxwell. 2003. *Critical Social skills for Adolescents with High Incidence Disabilities: Parental Perspectives*. Exceptional Children, 69(2): 163-79.
- Majid, M. A., Azman, N. Z., & Yani, N. I. M. 2019. *Faktor Penglibatan Remaja dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor*. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 94-109.
- Miftachul Huda, Kamarul Azmi Jasmi, Aminudin Hehsan, Ismail Mustari. 2017. *Empowering Children with Adaptive Technology Skills: Careful Engagement in the Digital Information Age*. International Electronic Journal of Elementary Education, 9(3), 693-708.
- O'Neill, S., & Stephenson, J. 2012. *Classroom behavior management content in Australian undergraduate primary teaching programmes*. Teaching Education, 23, 287-308.
- Sapouna, M. & Wolke, D. 2013. *Resilience to bullying victimization: The role of individual, family and peer characteristics*. Child Abuse & Neglect, 37, 997-1006.
- Siregar, K. 2022. *Concept Of Islamic Education Psychology In Ihya' 'Ulum Al-Din by Al-Ghazali*. Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam, 9(02), 663-682.
- Saâ, C. Z., Muhsin, S. B. S., Ahmad, S. S., & Abd Latif, F. 2019. *Model Pendidikan Keibubapaan Abdullah Nasih Ulwan (MPIU) dalam Menangani Isu Remaja Lari dari Rumah*. Jurnal Usuluddin, 47, 73-103.
- Wan Anita Wan Abas & Azizah Hamzah. 2013. *Media dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak*. Jurnal Pengajian Media Malaysia, Vol. 15(2), 27-39.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. 2013. *Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C)*. Jurnal Psikologi Malaysia, 27, 137-149.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawan Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. *Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri*. Jurnal Hadhari, Special Edition, 155-172. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Tesis & Disertasi

- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah*. Tesis PhD Pendidikan Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatanah Mohamed. 1997. *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia

- Jamie, M. B. 2011. *Psychological Factors Associated with Bullying Typologies in a Mental Health Population of Adolescents*. Philadelphia College of Osteopathic Medicine Dissertation, Bolton.
- Mazlili Suhaini. 2013. *Sejauh manakah masalah buli di kalangan pelajar Kolej Vokasional di Negeri Pahang*. UMP.
- Yong, S.Q. 2011. *A study of internet addiction among students of Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pei Yuan, Kampar*. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Universiti Tuanku Abdul Rahman, Kampar.

Seminar & Prosiding

- Hussin, S. 2014. *Cabaran menyeluruh dalam pelaksanaan transformasi pendidikan untuk masa depan Malaysia*. In: Seminar Transformasi Pendidikan Nasional.
- Ismail Baba. 2001. *Role of effective communication and dialogue in the home to strengthen the family*. Paper presented at the Proceedings of the APFAM International Conference.
- Kassim, N. F., & Jalal, F. H. A. 2015. *Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan Modul pendidikan akhlak: Isu dan cabaran masa kini*. In: Seminar Penyelidikan Kebangsaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Manap, J., Hamzah, M. R., Amin, A. S., Mohd Izani, N. N., Idris, F., Hamjah, S. H., & Tambi, N. 2016. *Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z*. In International Conference on Social and Economic Development, (November), 1-12.
- Muhamad Asyraf, Khairul Azhar & Rushdi Ramli. *Dakwah Siber: Etika dan Akhlak*. Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan: Isu-isu Dakwah Semasa. 15-16 Mei 2013. 455-485.
- Rozmi Ismail. 2015. *Buli di Sekolah: Igauan atau Realiti?* Bicara Persada Canselori: Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Laporan

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2013. *Perangkaan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Polis Diraja Malaysia. 2010. *Laporan Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, 2010*. PDRM.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2020. *Laporan Statistik Penggunaan Internet di Malaysia, 2020*. Cyberjaya: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020) berkaitan Laporan Statistik Penggunaan Internet di Malaysia.

Laman Sesawang

- Masyarakat perlu sedia hadapi Revolusi Industri 4.0. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/masyarakat-perlu-sedia-hadapi-revolusi-industri-4-0-salleh-163007> (diakses pada April 25 2022).
- Peranan Media Baru dalam Pemikiran. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2015/06/15/peranan-media-baru-dalam-pemikiran/> (diakses pada April 30 2022).
- Remaja terpengaruh media sosial. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/50941/remaja-terpengaruh-media-sosial> (diakses pada Jun 11 2022).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.